

30/04/1998

Jualan tiket kurang dapat sambutan

Lukman Salleh

JUALAN tiket Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI masih belum menggalakkan sekalipun pelbagai promosi dilakukan bagi meningkatkan minat penonton tempatan dan antarabangsa.

Ketua Pegawai Operasi Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), Lt Jen (B) Datuk Seri Abdul Manap Ibrahim, berkata masih banyak langkah harus dilakukan bagi meningkatkan jualan tiket di kalangan penonton tempatan.

Sehingga kini, pelancaran penjualan tiket secara tempahan melalui laman web serta telefon masih belum mampu membangkitkan kesedaran serta minat penonton.

"Jualan tiket begitu lembap dan kurang menggalakkan. Ia mungkin disebabkan peminat masih belum mahu membuat tempahan ketika ini dan menunggu apabila temasya hendak bermula.

"Bagaimanapun, Sukom '98 berharap jualan sebenar bermula Jun ini akan menyaksikan peningkatan serta peminat tempatan akan membelinya.

"Sukom '98 merayu kepada peminat supaya turut serta dalam temasya ini dengan membuat tempahan dari sekarang dan tidak perlu tunggu bagi mengelakkan kehabisan tiket," katanya selepas mesyuarat jawatankuasa sukan itu yang dipengerusikan Tunku Imran Tuanku Ja'afar di Stadium Negara, semalam.

Menurut Abdul Manap, hanya kira-kira 70,000 daripada sejumlah 1.5 juta tiket sudah ditempah.

Dalam pada itu, tempahan daripada peminat tempatan menunjukkan jumlah yang amat mengecewakan, iaitu hanya kira-kira 6,000 tiket sedangkan temasya berkenaan akan berlangsung empat bulan saja lagi.

Katanya, Sukom '98 akan meningkatkan promosi jualan tiketnya bagi memastikan gelanggang dipenuhi penonton apabila temasya itu berlangsung dari 11 hingga 21 September ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melancarkan penjualan tiket melalui laman web dan telefon pada 11 April lalu, meminta rakyat supaya sama-sama menjayakan temasya berkenaan.

Abdul Manap juga berkata semua perancangan persatuan sukan kebangsaan kini berjalan lancar.

"Persatuan sukan memberikan laporan masing-masing dan semua perancangan mengikut jadual walaupun ada sedikit masalah kecil seperti peralatan sukan yang belum tiba.

"Tetapi semuanya dapat diselesaikan dan kita juga menerima laporan mengenai penyertaan negara Komanwel dalam 16 sukan yang terbabit," katanya.

(END)